

06 JUN 1998

Mahathir-Ekonomi

PEMULIHAN AMBIL MASA, RAKYAT PERLU TABAH

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemulihan semula ekonomi daripada kegawatan sekarang akan mengambil masa yang panjang dan memerlukan ketabahan hati serta pengorbanan daripada semua rakyat.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia menghargai kemerdekaan negara dan saranan untuk tabah hati dan sanggup berkorban bukanlah tidak mampu dipikul oleh mereka.

"Sementara kita tidak menolak peranan orang asing dalam meredakan keadaan ekonomi kita, kita tidak boleh bergantung semata-mata kepada mereka," katanya semasa menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara hari ini.

Beliau berkata berasaskan kepada kekukuhan dan kestabilan politik serta sosial negara ini, kerajaan percaya Malaysia akan dapat mengatasi masalah ekonomi.

"Kerajaan akan menangani sebarang usaha untuk mencetuskan ketidakstabilan dengan bijak. Semua pihak daripada pekerja yang menganggur, peniaga hingga ke pengusaha kecil dan besar akan diberi pertolongan supaya mereka tidak terlalu tertekan kerana sebab-sebab yang bukan di bawah kuasa mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan tidak akan mengabaikan sesiapa atau mengambil ringan masalah yang dihadapi rakyat.

Perdana Menteri turut menyucapkan syukur kerana negara ini terus aman damai dan rakyatnya hidup bersatu padu dan harmoni walaupun negara sedang dilanda masalah ekonomi.

Katanya walaupun ada rakyat yang berpendapat lebih baik menyerahkan urusan ekonomi negara kepada pakar antarabangsa, itu tidak akan menjamin ekonomi akan pulih semula.

Kebanyakan negara yang menerima apa yang dikatakan sebagai bantuan antarabangsa mengalami kemerosotan ekonomi yang semakin teruk sehingga politik tidak stabil, pengangguran meningkat sehingga berjuta-juta hilang pekerjaan, pendapatan mereka yang masih bekerja susut daripada segi kuasa membeli, syarikat-syarikat dan bank-bank muflis dan inflasi meningkat secara mendadak, katanya.

Dr Mahathir berkata semua perkara itu boleh berlaku jika tekanan yang lebih teruk dikenakan kepada ringgit dan pasaran saham negara ini tetapi sekurang-kurangnya kerajaan masih bebas menentukan dasar ekonomi, menolong memulihkan syarikat dan menyelamatkan negara.

"Pemulihan sudah tentu tidak mudah tetapi kita yakin dengan mengurangkan pergantungan negara kita daripada tukaran asing, sedikit sebanyak kita terselamat daripada ancaman serangan ke atas mata wang dan ekonomi negara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata pelbagai usaha dan strategi sedang diambil kerajaan bagi mengurangkan kesan kejatuhan nilai ringgit, antaranya mengurangkan import, mengurangkan kegunaan barangan perlu seperti gula, gandum dan susu, berjimat cermat dalam perbelanjaan, meningkatkan eksport dan menentukan dagangan antara Malaysia dan negara asing menggunakan ringgit atau mata wang negara berkenaan.

Kerajaan juga telah banyak mengambil tindakan lain untuk menyelamatkan ekonomi negara.

"Bahawa sehingga kini kita belum meminta pertolongan badan antarabangsa mungkin disebabkan tindakan-tindakan tersebut," katanya.

Namun, Dr Mahathir berkata kepercayaan rakyat kepada kerajaan amatlah penting kerana tidak semua daripada pendekatan negara dapat diumumkan.

-- BERNAMA

HS MAI